

**PRINSIP DAN SYARAT PEMBERIAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2025
JABATAN HAL EHWAL VETERAN, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

1. PUNCA KUASA

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.800-3/2/4(52) bertarikh 21 Mac 2025.

2. KADAR PEMBERIAN

Sebanyak **RM250.00** dibayar sekaligus pada **27 Mac 2025**.

3. ANGGARAN PERUNTUKAN

Berdasarkan data/rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak **RM37,575,000.00** bagi menampung sejumlah **150,300** veteran berpencen/*penerima pencen dan **RM18,231,000.00** bagi menampung sejumlah **72,924** veteran ATM tidak berpencen.

4. PENERIMA YANG LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2025

- 4.1 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa pada **27 Mac 2025** bagi semua gred di dalam Perkhidmatan ATM.
- 4.2 Penerima seperti di perenggan 4.1 yang tidak bermastautin di Malaysia.
- 4.3 Veteran yang dilantik semula secara tetap, sementara atau *contract of service* dan masih berkhidmat pada **27 Mac 2025** layak diberi BKKA Tahun 2025 sebanyak RM250.00.

5. PENERIMA YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2025

- 5.1 Veteran yang tarikh persaraannya pada **28 Mac 2025** dan **selepasnya** kerana BKKA Tahun 2025 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.
- 5.2 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa berikutan kematian anggota dalam perkhidmatan pada **27 Mac 2025** dan **selepasnya** kerana BKKA Tahun 2025 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.

6. PRINSIP PEMBAYARAN

- 6.1 BKKA Tahun 2025 akan diproses melalui dua (2) cara iaitu:
 - (i) Secara kelompok iaitu bayaran dibuat melalui kredit bank/cek/waran.
 - (ii) Secara individu bagi veteran/penerima pencen seperti berikut:
 - a) Penerima yang berada di luar negara; dan
 - b) Bayaran yang tidak dapat diproses secara kelompok.
- 6.2 JHEV akan mengurus pembayaran BKKA Tahun 2025 kepada veteran/penerima pencen. Walau bagaimanapun, bagi maksud mendapatkan peruntukan bayaran veteran tidak berpencen, hendaklah memohon kelulusan Pegawai Pengawal Kementerian Pertahanan.
- 6.3 BKKA Tahun 2025 hanya **dibayar sekali sahaja** di Bahagian Pencen (BP), JPA sekiranya veteran/penerima pencen mempunyai rekod di BP, JPA dan JHEV.
- 6.4 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa, dibayar berasaskan **pembahagian sama rata** mengikut akaun penerima.
- 6.5 BKKA Tahun 2025 hanya akan dibayar pada tahun ini (tahun semasa).

Disediakan oleh

Bahagian Pencen
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
24 Mac 2025

Nota:

- i. Penerima pencen adalah orang tanggungan kepada Veteran ATM yang menerima pencen terbitan atau pencen tanggungan.
- ii. Orang tanggungan yang layak adalah balu/duda/anak/ibu/bapa selaras dengan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants), Regulation 1952*.